

Headline	Cadang buka dua lagi pasar tani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	340 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,800
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,399



Cadang buka dua lagi pasar tani

Beri peluang penduduk jana pendapatan, nikmati barangan komoditi dengan lebih murah

KUALA SELANGOR – Pihak berkuasa tempatan (PBT) wajar mempertimbangkan cadangan untuk menambah bilangan pasar tani di daerah ini bagi membolehkan penduduk menikmati harga barangan komoditi dengan lebih murah.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim berkata, dua lagi cadangan pasar tani di Kuala Selangor dan Jeram itu mampu memberi impak kepada ekonomi setempat.

Menurutnya, pihaknya memohon supaya dua lagi tapak niaga pasar tani dapat dibuka di hadapan Kompleks Umno Bahagian Kuala Selangor dan Kampung Bukit Cherakah, Jeram.

“Usaha ini bertujuan untuk jadikan pasar tani sebagai pasar pilihan utama rakyat kerana tawarkan harga lebih murah dan Fama memantau harga yang dikenakan peniaga.

“Sebab itu, harga bagi barangan komoditi yang ditawarkan lebih murah dan Fama sentiasa pastikan peniaga tak sewenang-wenang

nya naikkan harga,” katanya. Irmohizam yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menegaskan, mana-mana peniaga pasar tani yang mengupah pekerja asing akan dikenakan tindakan.

“Kita nak beri peluang kepada rakyat tempatan terutama beli kampung untuk berniaga sendiri dan menambah pendapatan.

“Saya juga mahu konsep jualan terus produk pertanian dinilai tambah memandangkan Kuala Selangor terkenal dengan bidang pertanian seperti mana yang dicadangkan Fama.

“Malah saya cukup bangga dengan penglibatan hampir 30 peratus golongan muda jadi usahawan tani industri kecil sederhana (IKS) dalam pasar tani,” katanya.

Beliau juga mengharapkan idea dan cadangan penduduk bagi membantu Fama memperluaskan konsep pasar tani dan galakkan aktiviti usahawan tani.

“Sebab saya lihat pasar tani ni beri manfaat kepada penduduk setempat, mereka

dapat beli barang berkualiti dengan harga berpatutan dan juga dekat dengan penempatan mereka.

“Jadi saya harap PBT dapat pertimbangkan cadangan ini sekaligus merancang lagi pasar tani sedia ada iaitu di Saujana Utama dan Puncak Alam ketika ini,” katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, hasil semakan berdasarkan maklumat sedia ada mendapati wujud permohonan terdahulu.

“Merujuk permohonan terdahulu, MDKS ambil keputusan pada waktu itu tiada keperluan terhadap cadangan tapak yang dimohon, bagaimanapun baru-baru ini ada permohonan semula dibuat.

“Saya difahamkan ada pihak berkaitan kemukakan permohonan semula kepada jabatan secara lisan dan MDKS masih tunggu permohonan rasmi untuk pertimbangkan semula kesesuaiannya,” katanya.



Irmohizam (dua, kiri) ketika dibawa meninjau keadaan Pasar Tani Puncak Alam.